ZAIDI BIN KASSIM & 1 LAGI

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
TUAN HASHIM BIN DATO' HAJI YUSOFF H
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-15-94 & 42-16-94]
20 APRIL 1995

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah - Perayu disabit kesalahan rasuah - Pengadu dipercayai pengedar dadah - Pengadu tidak membuat apa-apa kesalahan - Samada perayu bertindak bagi pihak Kerajaan - Samada wang yang diambil merupakan satu rasuah - Samada perbuatan yang dilakukan perayu sepatutnya dikelaskan sebagai samun dan pemerasan.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH & PROSEDUR: *Pertuduhan - Perayu didapati bersalah di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57) oleh Mahkamah Sesyen - Fakta kes menunjukkan kesalahan dilakukan di bawah ss. 383 & 390 Kanun Keseksaan - Samada Mahkamah Rayuan mempunyai bidangkuasa untuk mengganti pertuduhan tersebut.*

[English *Translation of Catchwords]*

CRIMINAL LAW: *Corruption - Appellants charged with corruption - Complainant believed to be a drug dealer - Complainant not guilty of any offence - Whether appellants acted on behalf of the Government - Whether the money taken was corrupt - Whether appellants' actions should be classified as extortion.*

CRIMINAL LAW & PROCEDURE: *Charge - Sessions Court finding appellants guilty under s. 4(a) of the Prevention of Corruption Act 1961 (Act 57) - Facts of the case showing the offence was committed pursuant to ss. 383 & 390 of the Penal Code - Whether the Court of Appeal has jurisdiction to substitute the charge.*

Kedua-dua perayu telah disabit dua kesalahan di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57) dan hukuman yang dijatuhkan adalah dua tahun penjara dan penalti RM200 bagi kesalahan pertama dan dua tahun penjara dan penalti RM120 bagi kesalahan kedua. Semua hukuman penjara diperintahkan berjalan serentak. Fakta kes menunjukkan bahawa perayu pertama telah memanggil pengadu (SP9) dan memberitahu SP9 bahawa beliau dipercayai pengedar dadah, di mana SP9 nafikan. SP9 kemudiannya dibawa ke satu tempat oleh kedua-dua perayu, digari, RM200 diambil darinya dan seterusnya diugut sejumlah wang lagi. SP9 diberitahu sekiranya SP9 gagal menyerahkan wang tersebut, sesuatu akan berlaku kepadanya. SP9 melaporkan perkara tersebut kepada Badan Pencegah Rasuah dan perangkap dirancang, menyebabkan tertangkapnya kedua-dua perayu tersebut.

Peguam bagi pihak perayu pertama mendakwa, di antaranya, bahawa oleh kerana SP9 tidak melakukan apa-apa kesalahan maka bermakna tidak ada tugas untuk kedua-dua perayu bertindak bagi pihak prinsipal mereka iaitu Kerajaan Malaysia, maka tuduhan terhadap mereka sepatutnya pemerasan dan bukan rasuah.

Isu yang timbul bagi penilaian Mahkamah adalah samada pengambilan wang daripada SP9 oleh perayu merupakan satu rasuah atau pemerasan atau rompakan kerana SP9 tidak melakukan apa-apa kesalahan, dan samada Mahkamah boleh dan patut mengubah keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s. 392 Kanun Keseksaan bagi tuduhan pertama dan s. 383 Kanun Keseksaan bagi kesalahan kedua.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan ugutan yang dibuat oleh perayu pertama tanpa alasan lain, tidak boleh dikatakan pengadu (SP9) telah melakukan apa-apa kesalahan. Dengan itu tidak boleh dikatakan kedua-dua perayu telah tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal mereka dengan tidak mengambil tindakan terhadap SP9 yang dikatakan menjadi pengedar dadah, kerana SP9 sememangnya tidak melakukan kesalahan. Sebaliknya apa yang dilakukan bersama oleh kedua-dua perayu itu ialah kesalahan menyamun dan pemerasan seperti yang ditakrifkan oleh di bawah s. 390 dan s. 383 Kanun Keseksaan.

[2] Di atas fakta kes, yang arif Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya mengkaji pertuduhan di akhir kes pendakwaan dan jika perlu membuat pindaan sewajarnya pada ketika itu. Tetapi tindakan itu tidak diambil. Mahkamah ini dalam bidangkuasa rayuannya tidak boleh bertindak di atas sesuatu perkara di luar bidangkuasa Mahkamah yang membicarakannya.

[Rayuan dibenarkan; sabitan dibatalkan; hukuman diketepikan].

Kes-kes yang dirujuk:
Loh Kwang Seang v. PP [1960] 26 MLJ 271 ***(diikuti)***
Ng Ee v. PP [1941] MLJ 180 ***(diikuti)***
Lew Cheok Hin v. Regina [1956] MLJ 131 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Pencegah Rasuah 1961, s. 4(a)
Kanun Keseksaan, ss. 383, 384, 390, 392

Bagi pihak perayu pertama - Tan Hock Chuan
Bagi pihak perayu kedua - K. Selladurai
Bagi pihak responden - Mohd. Razif bin Osman, TPR

PENGHAKIMAN

Hashim bin Dato' Haji Yusoff H:

Kedua-dua perayu di dalam rayuan ini telah dituduh bersama di bawah dua pertuduhan di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57) (selepas ini disebut Akta). Mahkamah Sesyen telah mendapati kedua-dua perayu bersalah di atas kedua-dua tuduhan itu dan setelah mensabitkan menjatuhkan hukuman seperti berikut:

Tuduhan Pertama

Kedua-dua perayu dihukum kepada dua tahun pemenjaraan dan penalti RM200 kepada kerajaan kalau tidak bayar 20 hari pemenjaraan.

Tuduhan Kedua

Kedua-dua perayu dihukumi dua tahun pemenjaraan dan penalti RM120 kalau tidak bayar 20 hari pemenjaraan.

Semua hukuman penjara berjalan serentak. Kedua-dua perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen.

Fakta kes seperti yang terdapat daripada keterangan pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

> Pada 9 Mac 1992, semasa perayu pertama (Zaidi bin Kassim) dan perayu kedua (Ramasamy a/l Alagan) sedang membuat rondaan pencegah jenayah dengan menaiki motosikal WBV 7763 di tempat dan masa seperti dalam tuduhan, mereka melihat pengadu (SP9) dan seorang kawannya Teng Ah Kow (SP10) yang sedang berada di sebuah kedai buku di situ. Perayu pertama kemudian bercakap-cakap dengan SP10 dan selepas itu memanggil SP9

mengikutinya ke satu selekoh lebih kurang tiga atau empat kedai jauh dari tempat kedai buku itu. Dalam perjalanan ini perayu pertama telah beritahu SP9 bahawa mereka adalah detektif dan dia dengar orang kata SP9 ada jual dadah. Perayu kedua dan SP10 juga ada mengikuti dari belakang. SP9 menafikan perkara itu.

Kemudiannya perayu pertama telah bawa SP9 ke satu tangga di bangunan sebuah kedai. Perayu kedua dan SP9 menaiki tangga itu separuh jalan di mana perayu kedua telah mengambil dompet SP9. Pada masa itu perayu kedua memanggil perayu pertama dan SP10 yang berada di bawah tangga untuk naik. Apabila mereka berada bersama SP9, perayu pertama telah menyuruh menggari SP9. Perayu kedua menggari SP9 ke 'railing' tangga dan terus mengambil duit sebanyak RM230 dari dompet SP9 dan berikan kepada perayu pertama.

Perayu pertama mengatakan wang itu terlalu sedikit dan mengugut untuk bawa SP9 ke lock-up di mana SP9 akan tahu akibatnya. Perayu pertama juga mengatakan dia akan merotan SP9. SP9 memberitahu perayu pertama bahawa dia benar-benar tidak ada wang.

Kemudian perayu pertama telah mengambil RM200 tanpa kerelaan SP9 dan kembalikan RM30 kepada SP9. Perayu kedua dan SP10 ada di sebelah SP9 pada masa itu. Perayu pertama memberitahu SP9 wang itu tidak mencukupi dan sekiranya SP9 tidak mahu dikacau mereka, SP9 hendaklah memberikan RM120 lagi kepada mereka pada keesokan hari.

Pada keesokan hari, iaitu 10 Mac 1992 SP9 tidak keluar daripada rumahnya kerana takut berjumpa kedua-dua perayu. Pada 11 Mac 1992 semasa SP9 dan SP10 berada di kedai kopi di seberang jalan kedai buku di mana SP9 telah dihampiri oleh perayu dua hari sebelumnya, dia nampak perayu pertama datang dengan menaiki motosikal yang sama digunanya pada 9 Mac 1992. Perayu pertama memberi isyarat supaya SP9 pergi berjumpanya. SP9 mengikuti perayu pertama ke jarak lebih kurang 100 kaki daripada kedai kopi tersebut di mana SP9 ditanya mengapa tidak bertemu perayu pertama pada 10 Mac 1992 seperti yang dijanjikan. SP9 meminta maaf dan mengatakan kerana dia tiada wang. Perayu pertama marah kepada SP9 dan mengugut SP9 sekiranya suatu hari dia jatuh ke tangan perayu pertama, tahulah SP9 nanti.

Setelah perayu pertama beredar, SP9 berbincang dengan SP10 macam mana hendak buat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR). Sambil itu perayu pertama kembali dengan perayu kedua dan mereka memanggil SP9 mengikut mereka ke suatu tempat dekat dengan kedai kopi itu. Di sana mereka memarahi SP9 lagi. Pada masa itu SP9 memberitahu kedua-dua perayu bahawa jika mereka benar-benar hendak wang RM120 itu, dia akan memberikannya pada pukul dua atau tiga petang itu. Pertemuan dijanjikan dikedai buku yang sama.

Selepas itu SP9 dengan ditemani oleh SP10 telah pergi ke pejabat BPR dan membuat aduan. Satu perangkap telah dirancangkan dan SP9 diberi wang RM120 oleh BPR sebagai wang perangkap. Kemudian SP9, SP10 dan pegawai-pegawai BPR telah pergi ke kedai kopi di depan kedai buku berkenaan. Tidak lama kemudian, perayu pertama yang menunggang motosikal WBV 7763 dan dibonceng oleh perayu kedua tiba di depan kedai kopi dan meneruskan perjalanan dan berhenti di satu selekoh tidak jauh dari kedai kopi itu. SP9 pergi menjumpai mereka dan setelah ditanya samada sudah siap, SP9 menyerahkan RM120 itu kepada perayu kedua dan beredar dari situ. Sejurusnya pegawai-pegawai BPR menangkap kedua-dua perayu.

Peguam bagi pihak perayu pertama membangkitkan isu-isu yang boleh diringkaskan kepada bahawa:

1. Hakim Mahkamah Sesyen tidak membuat penilaian langsung mengenai saksi-saksi pendakwaan dan tidak beri sebab mengapa mereka dipercayai.
2. Hakim Mahkamah Sesyen merujuk kepada "common intention" tetapi tuduhan ialah "bersama".
3. SP9 seorang "self confessed convict" yang senang membuat tohmahan terhadap perayu pertama dan perkara ini tidak dipertimbangkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.
4. Oleh kerana SP9 tidak melakukan apa-apa kesalahan maka bermakna tidak ada tugas untuk kedua-dua perayu bertindak bagi pihak prinsipal mereka iaitu Kerajaan Malaysia maka tuduhan terhadap mereka sepatutnya pemerasan dan bukan rasuah.
5. Hakim Mahkamah Sesyen tidak pertimbangkan langsung Percakapan Beramaran perayu pertama dan percanggahan antara keterangan SP9 dan SP10.

Peguam bagi pihak perayu kedua pula menghujahkan:

1. Hakim Mahkamah Sesyen tidak menimbangkan perkara bahawa SP9 dan SP10 adalah rakan sejenayah.
2. Keperluan keterangan sokongan kepada keterangan SP9.
3. Hakim Mahkamah Sesyen tidak menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan.
4. Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya memberi sebab-sebab mengapa beliau terima keterangan SP9 dan SP10 dan mengapa dia menolak keterangan perayu kedua.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana dalam jawapannya menghujahkan bahawa:

1. Pembelaan tidak pertikaikan intipati-intipati tuduhan yang telah dibuktikan.
2. Kegagalan Hakim Mahkamah Sesyen memberi sebab mengapa dia memanggil pembelaan tidak bererti Mahkamah Rayuan tidak boleh mengkaji perkara itu lagi.
3. SP9 dan SP10 bukan rakan sepenjenayah dan ada keterangan sokongan kepada keterangan mereka.

Mengenai Pertuduhan Pertama

Yang Arif Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan fakta bahawa perayu pertama dan perayu kedua telah bertindak 'in concert' semasa RM200 diambil daripada SP9 pada 9 Mac 1992. Beliau juga menerima keterangan SP10 sebagai menyokong keterangan SP9 dalam butiran-butiran penting. Yang Arif Hakim Mahkamah Sesyen juga telah mengingatkan dirinya tentang penerimaan keterangan SP9 tetapi masih menerimanya sebagai seorang saksi yang jujur.

Hakim Mahkamah Sesyen sebaliknya tidak tertarik kepada keterangan yang diberi oleh kedua-dua perayu dan mengatakan keterangan mereka perlu diteliti dengan waspada. Di sini saya berpendapat Yang Arif Hakim Mahkamah Sesyen tidak tersilap dari segi undang-undang atau fakta setakat ini.

Setelah menilai keterangan pembelaan Yang Arif Hakim Mahkamah Sesyen berpuashati pendakwaan telah membuktikan kesalahan di bawah pertuduhan pertama melampaui keraguan yang munasabah dan mensabitkan kedua-dua perayu.

Mengenai Pertuduhan Kedua.

Yang Arif Mahkamah Sesyen membuat keputusan fakta bahawa duit 'rasuah' RM120 telah diserahkan kepada kedua-dua perayu pada petang 11 Mac 1992 supaya tindakan lanjut tidak diambil terhadap SP9 yang dikatakan terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah.

Isu

Daripada keterangan yang ada saya rasa hanya satu isu penting sahaja yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini iaitu, seperti yang dinyatakan oleh peguam perayu oleh kerana SP9 tidak melakukan apa-apa kesalahan, jadi adakah pengambilan wang daripada SP9 oleh perayu itu merupakan suatu rasuah atau pemerasan atau rompakan?

Peguam perayu berlandaskan hujahannya kepada kes *Loh Kwang Seang v. PP* [1960] 26 MLJ 271 di mana fakta kes dalam headnotenya adalah seperti berikut:

> The appellant, a police Inspector in the Special Branch, Penang was convicted in the Sessions Court under s. 3(a) of the Prevention of Corruption Ordinance 1950 of corruptly accepting a bribe to wit a sum of RM135 from one F.S.F as an inducement for forbearing to do an act in relation to his principal's affairs, namely, by representing to the said F.S.F that he had committed an affence against the law and that he (the appellant) would forebear to take any further action against him.
>
> The evidence showed that the complainant F.S.F had recently made a trip to China and after his return to Penang was interrogated by the appellant whereupon the complainant admitted that he had taken with him to China a sum of RM500. The appellant then told him that because he had taken the money, he (the appellant) could detain him cancel his citizenship certificate, take his finger-print and change his identity card into a black one. The appellant then told him that since he had been in this country for many years and had never been in trouble before if he gave the appellant RM150 nothing would happen to him. The complainant could raise RM135 only and offered this sum to the appellant who accepted the amount and this acceptance of RM135 later became the subject matter of the charge upon which he was convicted.

Hakim Rigby dalam kes tersebut di mukasurat 271 telah memutuskan:

> Held: [1] on the facts adduced if believed, it was a simple straight forward case of extortion and the appellant ought to have been charged under s. 383 of the Penal Code. The appellant was not acting in relation to the affairs of his principal by representing to the complainant that he had committed an offence against the law because the complainant had committed no offence. The conviction on the charge of corruption was therefore wrong in law.

Malangnya saya tidak dapat menerima hujahan Timbalan Pendakwa Raya bahawa kes *Loh Kwang Seang v. PP*. *Supra* boleh dibezakan. Dalam kes kita, perayu pertama telah memanggil pengadu (SP9) dan memberitahunya dia dengar orang kata SP9 adalah seorang pengedar dadah. Perkara ini dinafikan oleh SP9. Kemudian SP9 dibawa ke suatu tempat di mana dia digari kepada 'railing' tangga naik ke sebuah kedai dan setelah memeriksa dompet SP9 perayu pertama mengambil tanpa izin SP9, RM200 yang ada dalam dompet itu.

SP9 dalam keterangannya mengatakan perayu pertama mengugutnya bahawa dia akan dibawa ke 'lock up' dan SP9 akan tahu akibatnya nanti. Dompet SP9 dipegang oleh perayu kedua manakala duitnya dipegang oleh perayu pertama. SP9 merasa takut dan tidak terdaya menghalang kedua-dua perayu mengambil RM200 daripadanya kerana dia digari ke 'railing' tangga di situ.

Daripada keterangan yang ada ini berdasarkan ugutan yang dibuat oleh perayu pertama tanpa alasan lain tidak boleh dikatakan pengadu (SP9) telah melakukan apa-apa kesalahan. Dengan

itu tidak boleh dikatakan kedua-dua perayu tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal mereka dengan tidak mengambil tindakan terhadap SP9 yang dikatakan menjadi pengedar dadah.

Sebaliknya apa yang dilakukan bersama oleh kedua-dua perayu itu ialah kesalahan menyamun seperti yang ditakrifkan dibawah s. 390 Kanun Keseksaan (KK).

Begitu juga pada 11 Mac 1992 (mengenai tuduhan kedua) SP9 telah menyerahkan wang perangkap RM120 kepada kedua-dua perayu sebagai susulan kepada apa yang telah dijanjikan antara mereka pada 9 Mac 1992 dan pagi 11 Mac 1992. Dalam hal ini juga SP9 tidak membuat apa-apa kesalahan kecuali telah diugut oleh perayu pertama jika dia tidak memberikan wang itu dia akan menerima akibatnya nanti. Jadi, di sini juga tidak boleh dikatakan kedua-dua perayu telah tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal mereka dengan tidak mengambil tindakan terhadap SP9 sebab memang SP9 tidak melakukan apa-apa kesalahan pada masa itu. Mungkin apa yang berlaku pada 11 Mac 1992 itu merupakan satu pemerasan seperti yang ditakrifkan di bawah s. 383 KK.

Berikutan daripada pendirian saya di atas, maka isu seterusnya yang perlu diputuskan ialah di atas fakta yang terkemuka dalam rekod rayuan ini, seperti yang diterima dan dipercayai oleh YA Hakim Mahkamah Sesyen, samada Mahkamah ini boleh dan patut mengubah keputusan itu dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s. 392 KK (bagi tuduhan pertama) dan s. 383 KK (bagi pertuduhan kedua).

Dalam kes *Ng Ee v. PP* [1941] MLJ 180 diputuskan:

> The power of substitution of a conviction under a different provision of the law for the conviction found by the Magistrate is to be exercised with great caution, and only where it is clear beyond all doubt, from the nature of the offence and the record of the evidence in the case, that to do so can in no way prejudice the case of the accused. It must be clear that if the substituted charge had in fact been the original charge the proceedings at the trial would have taken the same course, and the evidence recorded been the same - that the prosecution evidence would have been unchanged (substantially) and the accused's defence the same.

Jika diperhatikan, kesalahan rasuah di bawah s. 4(a) Akta boleh membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala hukuman di bawah s. 384 KK kerana pemerasan hendaklah dihukumi dengan pemenjaraan tidak melebihi sepuluh tahun atau dengan denda atau sebatan atau dengan mana-mana dua hukuman tersebut. Begitu juga hukuman di bawah s. 392KK kerana merompak hendaklah dihukumi dengan pemenjaraan sehingga sepuluh tahun dan boleh juga dikenakan denda. Adalah jelas hukuman untuk pemerasan dan samun adalah lebih serius dan berat daripada kesalahan rasuah.

Y.A Hakim Rigby dalam kes *Loh Kwang Seang v. PP, supra* di muka surat 274 para C-F berkata seperti berikut:

> It would indeed be a curious departure from the ordinary principles of justice if, upon a charge of corruption a Court could convict the accused upon the more serious charge of extortion without giving him an opportunity to be heard in answer to that charge and then impose a sentence of corporal punishment which it would have had no jurisdiction to impose on the original charge. I am, therefore, wholly satisfied that the learned President, at the conclusion of the evidence before him, had no jurisdiction to convict the appellant upon a charge of extortion without having amended the charge at an earlier stage and calling upon the appellant to plead to that amended charge, to enter into his defence upon that charge and enabling him

to recall any of the prosecution witnesses, and to call such other evidence as he might wish to do so in his defence upon that amended charge. If the learned President had no power to convict upon a charge of extortion without having amended the charge, then I am satisfied that this Court has equally no power to do so and that it would be wholly wrong for it now to do so.

Di atas fakta kes Y.A. Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya mengkaji pertuduhan di akhir kes pendakwaan dan jika perlu membuat pindaan sewajarnya pada ketika itu. (Sila lihat *Lew Cheok Hin v. Regina* [1956] MLJ 131). Tetapi malangnya tindakan ini tidak diambil dan sekarang sudah terlambat untuk berbuat demikian di atas sebab yang tersebut di atas tadi. Justeru itu Mahkamah ini dalam bidangkuasa rayuannya tidak boleh bertindak di atas sesuatu perkara di luar bidangkuasa Mahkamah yang membicarakannya.

Memang kedua-dua perayu jika keterangan pendakwaan diterima dan dipercayai, sepatutnya dituduh kerana merompak dan/atau memeras SP9. Tindakan mereka sebagai anggota polis sedemikian sangat memalukan jabatan tersebut yang sepatutnya menjaga keselamatan orang awam. Tetapi mereka telah sebaliknya menyalahguna kuasa mereka untuk melakukan perkara yang keji itu.

Tindakan terhadap kedua perayu terpulanglah kepada jabatan polis dan Pendakwa Raya. Tetapi bagi tujuan rayuan ini dengan hati yang berat saya tiada pilihan lain kecuali untuk membenarkan rayuan mereka.

Berdasarkan sebab-sebab yang diberikan di atas, maka rayuan oleh kedua-dua perayu dibenarkan. Sabitan terhadap mereka dibatalkan dan hukuman diketepikan.